



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 2 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	HARUMANIS TERBANG KE SABAH, SH -ONLINE PENERBANGAN PERTAMA HARUMANIS KE SABAH, HM -ONLINE AIRASIA, MAFI AKAN BANTU TINGKATKAN PENDAPATAN PETANI DI SELURUH NEGARA – TONY FERNANDES, BERNAMA -ONLINE MANGGA HARUMANIS 'TERBANG' KE SABAH, BERNAMA -ONLINE NANYANG SIANG PAU -ONLINE SIN CHEW -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
7.	SIAPA PUNYA ANGKARA?, LOKAL, METRO AHAD -17	BAHAGIAN INDUSTRI PADI DAN BERAS (IPB)
8. 9. 10. 11.	HASIL TERHAD GAGAL PENUHI PERMINTAAN, LAPORAN KHAS, METRO AHAD -2 BIL IMPORT KITA RM55.4 BILLION!, LAPORAN KHAS, METRO AHAD -2 SMART SAWAH OPTIMUM PRODUKTIVITI INDUSTRI BERAS, LAPORAN KHAS, METRO AHAD -3 TANAH PERTANIAN BERTUKAR HUTAN BATU, LAPORAN KHAS, METRO AHAD -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Harumanis terbang ke Sabah



Penghantaran pertama mangga harumanis ke Sabah dilakukan menerusi penerbangan AirAsia AK5104 yang berlepas dari KLIA2 jam 10.25 pagi pada Jumaat.

SEPANG - Penggemar mangga harumanis di Sabah kini boleh mendapatkan buah yang menjadi ikon negeri Perlis itu menerusi kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan anak syarikat AirAsia, AirAsia Farm.

Penghantaran pertama mangga harumanis ke Kota Kinabalu dilakukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) 2 menerusi penerbangan AirAsia AK5104 yang berlepas jam 10.25 pagi pada Jumaat.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kerjasama itu bukan sahaja akan memperluas pengedaran harumanis ke seluruh Malaysia, malah membawa buah yang cukup eksklusif itu ke Sabah secara rasmi buat pertama kalinya dalam skala besar.

Menurutnya, usaha itu sejajar dengan penekanan kementerian terhadap sektor pertanian bernilai tinggi yang dapat mewujudkan peluang ekonomi untuk rakyat.

"Tahun ini Jabatan Pertanian menyasarkan hasil pengeluaran sebanyak 3,336 tan metrik mangga harumanis bernilai RM66.7 juta di Perlis.

"Daripada jumlah itu, dianggarkan 50 peratus akan dijual secara dalam talian melalui platform e-dagang seperti AirAsia Food, AirAsia Fresh dan Agrobazaar online," katanya pada sidang akhbar selepas menyempurnakan pelepasan penghantaran harumanis bersama Pengerusi Eksekutif AirAsia Group, Datuk Kamarudin Meranun dan Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Group, Tan Sri Tony Fernandes.

Tony (dari kiri), Ronald dan Kamarudin menunjukkan harumanis sebagai gimik majlis pelepasan penghantaran buah mangga eksklusif itu ke Sabah di KLIA 2 pada Khamis.

Pelepasan harumanis ke Sabah adalah sebahagian daripada kempen 'Harumanis Kembali Lagi' yang dilancarkan pada 11 April lalu.

Mangga tersebut akan dihantar ke Tune Hotels Kota Kinabalu sebagai lokasi pengambilan rakan perkhidmatan penghantarnya di Sabah dan AirAsia Farm akan mengedarkan harumanis kepada peruncit utama di Kota Kinabalu.

Ronald berkata, MAFI berbesar hati dapat bekerjasama dengan AirAsia Farm untuk mempromosi kempen 'Harumanis Kembali Lagi'.

"Industri harumanis bukan sahaja meningkatkan pendapa-tan 2,415 pengusaha harumanis di Perlis, malah mempunyai impak besar terhadap ekonomi dan industri agropelancongan serta rantaian bekalan di seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Pengurus Besar AirAsia Farm, Lalitha Sivanaser berkata, sinergi bersama MAFI memungkinkan penghantaran harumanis ke Sabah dalam masa kurang dari 72 jam setelah tuaian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Penerbangan pertama Harumanis ke Sabah



Ronald Kiandee (tengah) bersama Tony Fernandes (tiga dari kiri) dan Kamarudin Meranun (tiga dari kanan) ketika menghadiri Majlis Penghantaran Pertama Harumanis ke Sabah oleh AirAsia Farm di KLIA2. FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL

Sepang: Penggemar mangga Harumanis di Sabah kini boleh mendapatkan buah yang menjadi ikon negeri Perlis itu menerusi kerjasama Kementerian Pertanian

dan Industri Makanan (Mafi) dan airasia farm.

Penerbangan pertama Harumanis ke Sabah menjadi sebahagian daripada kempen Harumanis Kembali Lagi yang dilancarkan oleh Mafi pada 11 April lalu di Beseri, Perlis bagi mempromosi buah ikonik itu.

Penghantaran pertama yang membawa buah mangga Harumanis berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) melalui penerbangan AirAsia AK5104 pada jam 10.25 pagi semalam.

Mangga itu kemudian dihantar ke Tune Hotels Kota Kinabalu sebagai lokasi pengambilan rakan perkhidmatan penghantarnya di Sabah dan airasia farm kemudian akan mengedarkannya kepada peruncit utama di Kota Kinabalu.

Mengulas perkembangan itu, Ketua Pegawai Eksekutif Airasia Group, Tan Sri Tony Fernandes berkata, airasia farm berhasrat menjadi jenama kukuh dan watak penting dalam rantai bekalan petani Malaysia dalam tempoh lima tahun akan datang.

Beliau berkata, airasia farm sudah mengumpul lebih 2,000 petani yang menawarkan pelbagai hasil tanaman kepada 300 perniagaan di seluruh negara.

"Kami melihat banyak potensi agromakanan yang boleh diketengahkan Malaysia. Kita bukan hanya memiliki mangga Harumanis, durian Musang King serta buah-buahan lain untuk di pasarkan dalam dan ke luar negara," katanya.

malah pelbagai lagi makanan basah seperti ikan dan sayur.

"Sejak ditubuhkan pada Jun 2020, airasia farm sudah mengumpul jualan mencecah RM3 juta. Angka ini akan terus meningkat selaras dengan permintaan," katanya selepas upacara pelepasan penerbangan pertama mangga Harumanis ke Sabah di sini, semalam.

Majlis itu disempurnakan oleh Menteri MAFI, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Turut hadir, Pengerusi Eksekutif Airasia Group, Datuk Kamarudin Meranun; dan Pengurus Besar airasia farm, Lalitha Sivanaser.

Sementara itu, Kiandee berkata, kerjasama dengan airasia farm bukan sahaja akan memperluas pengedaran Harumanis ke seluruh Malaysia, tetapi membawa buah mangga yang cukup eksklusif itu ke Sabah secara rasmi buat pertama kali dalam skala yang besar.

Katanya, kerjasama yang turut dialu-alukan kepada korporat lain itu juga sejajar dengan penekanan kementerian terhadap sektor pertanian bernilai tinggi yang dapat mewujudkan peluang ekonomi untuk rakyat.

"Jabatan Pertanian menyasarkan hasil pengeluaran sebanyak 3,336 tan mangga Harumanis bernilai RM66.7 juta di Perlis. Daripada jumlah itu, dianggarkan sekitar 50 peratus akan dijual secara dalam talian melalui platform e-dagang seperti airasia food, airasia fresh dan agrobazaar online.

"Justeru, kerjasama MAFI dengan airasia farm bukan sahaja akan memperluas pengedaran Harumanis ke seluruh Malaysia, tetapi juga membawa buah mangga yang cukup eksklusif ini ke Sabah buat pertama kalinya dalam skala yang besar.

"Industri Harumanis bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan kepada 2,415 pengusaha di Perlis, malah mempunyai impak besar terhadap ekonomi serta industri agro-pelancongan dan rantaian bekalan di seluruh negara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2021	BERNAMA	ONLINE	

AirAsia, MAFI akan bantu tingkatkan pendapatan petani di seluruh negara - Tony Fernandes



Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (kanan) bersama Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Tan Sri Tony Fernandes (tiga, kiri) bergambar pada Majlis Pelepasan 'AirAsia Farm' Penghantaran Mangga Harumanis ke Sabah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) hari ini. Penghantaran sulung mangga Harumanis menerusi penerbangan AirAsia AK5104 itu dijayakan melalui kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan AirAsia Farm, anak syarikat AirAsia.

SEPANG, 30 April -- Platform e-dagang perniagaan kepada perniagaan (B2B) AirAsia Group Bhd (AirAsia Group), airasia farm dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mahu membantu meningkatkan pendapatan petani dengan mempromosikan dan menjual produk mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif AirAsia Group, Tan Sri Tony Fernandes berkata penghantaran pertama mangga Harumanis Perlis melalui penerbangan AirAsia AK5104 dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) hari ini berjaya dilakukan menerusi kerjasama antara MAFI dan airasia farm.

"MAFI komited untuk membantu industri ini. Kami berharap dengan platform kami, petani dapat menambah pendapatan mereka dan pada masa yang sama mereka menjual produk mereka dengan lebih banyak," katanya pada sidang media di sini, hari ini.

Fernandes berkata AirAsia juga akan mempromosikan mangga Harumanis melalui aset digital dan restorannya, Santan, serta mempromosikan produk tersebut secara berterusan di rantau Asia selepas pintu sempadan dibuka sepenuhnya.

Melalui perkongsian pintar dengan MAFI, bersama dengan pihak berkuasa lain yang berkaitan, airasia farm juga mahu mempromosikan buah-buahan lain seperti buah naga dan nanas, katanya.

Selain itu, airasia farm, dalam satu kenyataan pada 26 April lepas berkata airasia farm sebagai pengedar rasmi mangga Harumanis dan platform untuk menghubungkan petani secara langsung kepada perniagaan, matlamat jangka panjangnya adalah untuk membawa nilai yang lebih baik yang akan memberi manfaat kepada lebih daripada 2,400 petani Harumanis di Perlis.

Harumanis adalah sejenis mangga bermusim dari Perlis yang hanya dapat dituai setahun sekali antara bulan April dan Jun, ia mempunyai khasiat tinggi serta kaya dengan Vitamin A, B, Magnesium dan Kalium dengan aroma harum dan rasa manis.

Mangga Perlis yang popular itu boleh dipesan secara dalam talian melalui airasia fresh dan airasia food di Semenanjung Malaysia serta Foodpanda di Sabah.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2021	BERNAMA	ONLINE	

Mangga Harumanis 'terbang' ke Sabah



Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (tengah) bercakap pada sidang media selepas Majlis Pelepasan 'AirAsia Farm' Penghantaran Mangga Harumanis ke Sabah di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) hari ini.

SEPANG, 30 April – Mangga Harumanis kini boleh didapati di Sabah apabila penerbangan sulung yang membawa kira-kira setengah tan ikon Perlis berlepas ke negeri di bawah bayu itu hari ini.

Penghantaran sulung mangga Harumanis menerusi penerbangan AirAsia AK5104 itu dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) dijayakan melalui kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan dengan airasia farm, anak syarikat Airasia.

"Harumanis bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan 2,415 pengusahanya di Perlis, malah mempunyai impak yang besar terhadap ekonomi serta industri agropelancongan dan rantai bekalan di seluruh negara," kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee ketika berucap pada majlis Flag Off Harumanis ke Sabah di klia2, hari ini.

Turut hadir pada majlis yang merupakan sebahagian daripada kempen 'Harumanis Kembali Lagi' yang dilancarkan pada 11 April lepas di Beseri, Perlis bagi mempromosi mangga Harumanis, ialah Ketua Pegawai Eksekutif Airasia Group Tan Sri Tony Fernandes.

Ronald berkata tahun ini, Jabatan Pertanian menyasarkan hasil pengeluaran mangga Harumanis di Perlis sebanyak 3,336 tan metrik bernilai RM66.7 juta, dan daripada jumlah itu, kira-kira 50 peratus akan dijual secara dalam talian melalui platform e-dagang seperti airasia food, airasia fresh dan AgroBazaar online.

Sementara itu, Pengurus Besar airasia farm S Lalitha berkata penghantaran pertama Harumanis ke Sabah sebagai komoditi eksport adalah dengan memanfaatkan ekosistem dan teknologi kumpulan Airasia seperti Teleport, dan penggunaan platform e-dagang oleh airasia food dan airasia fresh.

Beliau berkata sinergi dengan pihak MAFI telah memungkinkan penghantaran mangga Harumanis ke Sabah dalam masa kurang dari 72 jam setelah tuaian bagi memastikan ia benar-benar segar dari ladang.

"Kami percaya teknologi dan digitalisasi bukan sahaja akan menambah nilai kepada sektor pertanian malah dapat menambah baik keseluruhan rantaian bekalan industri makanan negara daripada langkah pengeluaran, pengedaran kepada penggunaan," katanya.

Menurutnya, matlamat jangka panjang airasia farm adalah untuk memberikan nilai yang lebih baik dan manfaat kepada ribuan petani Harumanis di Perlis supaya mereka dapat menjana pendapatan yang lebih besar untuk tuaian mereka secara dalam talian dan di seluruh rantau ini pada masa hadapan.

Mangga istimewa dari Perlis itu boleh dipesan dalam talian melalui airasia fresh dan airasia food di Semenanjung Malaysia dan melalui Foodpanda di Sabah.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2021	NANYANG SIANG PAU	ONLINE	

财经新闻

亚航改载香甜芒

2021年05月01日



作为玻璃市香甜芒(Harumanis)的官方分销商，亚航子公司airasia farm星期五首次将500公斤芒果运往沙巴亚庇，扩大东马市场，让更多人能品尝这香甜的滋味。

亚航集团总执行长丹斯里东尼费南德斯（左起）、农业和食品工业部长拿督斯里罗纳建迪博士及亚航集团执行主席拿督卡马鲁丁到机场送行，并齐齐举起拇指称“赞”。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2021	SIN CHEW	ONLINE	

亚航农场扩大分销·玻香甜芒“飞入”沙市场

全国综合

+ 关注

广告



罗纳建迪（左起）、亚航集团执行主席拿督卡玛鲁丁及东尼费南达斯在吉隆坡第二国际机场（KLIA 2）一起见证亚航农场把首批香甜芒运往沙巴。

（雪邦30日讯）香甜芒（Harum Manis Mangga）从玻璃市“飞入”沙巴市场了！

亚航农场（AirasiaFarm，前称为ourfarm）首次以官方分销商的身分，把玻璃市的香甜芒果分销至沙巴，为香甜芒的销售扩大市场。

这也是农业和食物工业部与农业局及玻璃市联邦农业销售局（FAMA）合作的“Harumanis Kembali Lagi”运动中，向各方推介香甜芒的努力之一。

首批香甜芒是于今日上午，由亚航AK5104班机从吉隆坡第二国际机场（KLIA2）出发运往沙巴。

据了解，这批芒果将被送往亚庇的Tune Hotels以作为运送合作伙伴的接送点，分销给亚庇的主要零售商，并致力提高香甜芒果在沙巴的市场渗透率。

农长：与亚航农场合作销售

农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪今日透过视像会议召开新闻发布会时指出，与亚航农场的合作关系，不仅可以扩大香甜芒在国内的销路，也体现了该部“以高价农业为人民创造经济机会”的宗旨。

他说，农业部预计，香甜芒今年的收成将达到3336吨，而市场价格为6670万令吉。

他直言，除了国内，政府也有意把香甜芒推向世界。他说，就如猫山王榴梿一样，香甜芒也是属于季节性水果，一年只盛产一次。

“但因为冷藏技术，猫山王榴莲现在已经是常年可以供应了。我们相信日后香甜芒也能靠着合适的冷藏技术保鲜，成为常年皆有供应的水果。”

东尼：解决农渔民运输问题

亚航集团总执行长丹斯里东尼费南达斯指出，亚航农场的最初概念，就是源自沙巴，他在见过渔民及农民后，发现他们面对一些把产品销售出去的挑战，正是希望能提供平台及解决运输问题，以帮助这些渔民和农民，所以才有了亚航农场的诞生。

“就如亚航当初倡导的‘现在人人都能飞’一样，我们希望这些渔民和农民可以赚取更多的收入。”

他说，亚航的优势就是品牌化（Branding）及运输，所以可以给市场提供平台。

广告

文章来源：星洲日报 作者：



罗纳建迪（右一）及东尼费南达斯（中）在吉隆坡第二国际机场（KLIA 2）一起见证亚航农场把首批香甜芒果运往沙巴。

亞航農場擴大分銷 玻香甜芒“飛入”沙市場

【雪邦30日讯】香甜芒（Harum Manis Mangga）从玻璃市“飞入”沙巴市场了。

亚航农场（Airasia Farm，前称为outfarm）首次以官方分销商的身分，把玻璃市的香甜芒果分销至沙巴，为香甜芒的销售扩大市场。

这也是农业和食物工业部与农业局及玻璃市联邦农业销售局（FAMA）合作的“Harmoni-Kembali Lagi”运动中，向各方推介香甜芒的努力之一。

首批香甜芒是于今日上午，由亚航AK5104班机从吉隆坡第二国际机场（KLIA 2）出发运往沙巴。

据了解，这批芒果将送往亚航的Tune Hotels以作为运送合作伙伴的接运点，分销给亚航的主要零售商，并致力提高香甜芒果在沙巴的市场渗透率。

农长： 与亚航农场合作销售

农业及食物工业部长拿督斯里罗纳建迪今日透过视像会议召开新闻发布会时指出，与亚航农场的合作关系，不仅可以扩大香甜芒在国内的销路，也体现了该部“以高价农业为人民创造经济机会”的宗旨。

他说，农业部预计，香甜芒今年的收成将达到3326吨，而市场价格为6670万令吉。

他直言，除了国内，政府也愿意把香甜芒推向世界。他说，就如猫山王榴槤一样，香甜芒也是属于季节性水果，一年只盛产一次。

“但因为冷藏技术，猫山王榴槤现在已经是常年可以供应了。我们相信日后香甜芒也能靠着合适的冷藏技术保鲜，成为常年皆有供应的水果。”

东尼： 解决农渔民运输问题

亚航集团总执行长丹斯里东尼费南达斯指出，亚航农场的最初概念，就是源自沙巴。他在见过渔民及农民后，发现他们面对一些把产品销售出去的挑战，正是希望能提供平台及解决运输问题，以帮助这些渔民和农民，所以才有了亚航农场的诞生。

“就如亚航当初倡导的‘现在人人都能飞’一样，我们希望这些渔民和农民可以赚取更多的收入。”

他说，亚航的优势就是品牌化（Branding）及运输，所以可以给市场提供平台。

SIAPA PUNYA ANGGKARA?

Mafi rampas 76 kampakit benih padi sah cuba dijual secara haram

Oleh Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@metro.com.my

Kuala Lumpur

Angkara orang dalam? Persoalan itu timbul selepas ada pihak tertentu menjual benih padi sah tanpa kebenaran.

Ia susulan serbuan penguat kuasa Kawalselia Padi dan Beras Negeri Kedah ke atas sebuah premis di Jalan Sanglang, Jitra, Kedah, Khamis lalu.

Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi), Azman Mahmood berkata, pada pemeriksaan itu, pihaknya merampas 76 kampakit benih padi sah, seberat 1,520 kilogram (kg) bernilai RM2,432 di sebuah premis dipercayai untuk jualan.

"Kita tidak menolak kemungkinan terdapat pembabitian orang dalam kerana yang dibenarkan menjual



1,520kg
Jumlah berat kampakit benih padi dirampas bernilai RM2,432

atau dua tahun penjara. Menurutinya, pihaknya akan terus menjalankan pemeriksaan berdasarkan maklumat awam bagi mengungkap pemasaran benih melalui pihak ketiga.

"Mereka ini sebenarnya yang menjejaskan proses membekalkan benih kepada petani.

"Sebab itu, di sesetengah tempat, ada isu benih tak cukup dan sebagainya. Kita akan siasat siapa mereka ini dan akan mengambil tindakan segera.

"Sebelum ini ada isu menjual benih lama kepada petani, itu sudah kita selesaikan. Sekarang timbul pula jual benih padi yang baru, jadi kita tidak akan berkompromi," katanya.

BENIH padi sah yang ditemui di sebuah premis di Jalan Sanglang, Jitra.

benih adalah Pertubuhan Tetap Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras (Nafas) melalui Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) yang dikeluarkan mengikut Seksyen 4 Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 - Pendetapan Kawalan melalui Surat Kebeharan Ketua Pengarah Terhadap Pemasaran Benih Padi," katanya kepada Harian Metro.

Sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM15,000

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2021	METRO AHAD	LAPORAN KHAS	2

Hasil terhad gagal penuhi permintaan

Kuala Lumpur: Petani mengakui berdepan masalah untuk memenuhi permintaan pelanggan kerana hasil pertanian yang terhad.

Ada yang berpandangan, masalah tanah terhad serta kekurangan individu yang mahu terbahit dalam bidang pertanian menyebabkan bekalan sangat terhad.

Oleh itu, ada dalam kalangan mereka terpaksa mengimport bekalan dari luar negara untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan.



Saya rancang meluaskan lagi penanaman kelapa supaya dapat memenuhi permintaan bukan saja pasaran Kelantan, malah negeri lain"

Abdul Hakim

Perkara ini dilakui Abdul Hakim Abu Bakar, 30, yang terbahit dengan penanaman kelapa sejak lima tahun lalu. Katanya, pada setiap bulan,

kebun kelapa seluas 8.9 hektar diusahakannya di Kampung Pulau Raja, Tumpat, Kelantan mampu mengeluarkan hasil sehingga 20,000 biji kelapa.

"Namun jumlah itu hanya diperuntukkan untuk memenuhi pasaran di negeri ini saja kerana ia tidak mencukupi. Saya terpaksa dapatkan bekalan daripada pembekal kelapa dari Indonesia.

"Permintaan kelapa meningkat terutama pada musim perayaan untuk membuat dodol, serunding dan sebagainya," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Hakim berkata, dia turut difahamkan, masalah kekurangan bekalan kelapa juga dihadapi di negeri lain.

"Kekurangan petani, terutama dalam kalangan generasi muda untuk menceburi bidang ini menjadi antara punca negara tidak mampu menyediakan bekalan kelapa mencukupi.

"Pada masa depan, saya merancang meluaskan lagi penanaman kelapa supaya dapat memenuhi permintaan bukan saja pasaran Kelantan malah negeri lain," katanya.



import makanan menunjukkan peningkatan 22.3 peratus.

Beliau berkata, import makanan yang masih tinggi membabitkan kopi, koko, teh, rempah, bijirin dan sediaan bijirin serta bahan makanan untuk ternakan.

"Kebergantungan terhadap import adalah untuk beberapa makanan antaranya makanan ternakan, sayur-sayuran dan buah-buahan.

"Malaysia masih perlu mengimport komoditi makanan seperti makanan haiwan, baja dan sayur-sayuran beriklim sederhana seperti gandum, bawang dan ubi kentang.

"Ini kerana komoditi ini tidak ekonomik untuk dihasilkan di Malaysia kerana harganya akan menjadi lebih tinggi daripada import selain faktor cuaca negara yang tidak sesuai," katanya.

Ronald berkata, peningkatan import makanan juga trend yang tidak dapat dielak jika diambil kira permintaan pasaran tempatan, import bahan mentah untuk tujuan aktiviti pemprosesan dan nilai tambah.

Sebagai contoh, katanya, keratan ayam diimport untuk pemprosesan nilai tambah, walaupun pengeluaran Tahap Sara Diri untuk daging ayam sudah melebihi 100 peratus.

RM45.3b
Nilai makanan diimport Malaysia pada 2015

"Selain itu, pengimportan buah-buahan seperti oren, epal dan anggur dipengaruhi permintaan pasaran tempatan," katanya.

Menurutnya, bagi menangani perkara itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) akan terus melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran makanan domestik.

Antaranya, menurut beliau, meningkatkan pengeluaran padi dan beras melalui Program Pengurusan Nutrien Lokasi Spesifik (SSNM) serta Program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) di samping pengenalan varieti baharu rintang penyakit, cuaca selain berproduktiviti tinggi.

"Kita akan tingkatkan pengeluaran tanaman sayur dan buah dengan membangunkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) atau Agropark menerusi aplikasi teknologi moden seperti

teknologi pertanian menegak (vertical farming) dan kilang tanaman (plant factory).

"Inisiatif dipergiatkan melalui projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12)," katanya.

Ronald juga menjelaskan pandangan umum bahawa pengeluaran produk makanan tempatan tidak cukup pantas menyediakan bekalan untuk warga tempatan dan kerana itu ia terpaksa diimport adalah kenyataan kurang tepat.

Pada masa kini, katanya, negara berupaya menghasilkan kebanyakan bahan makanan asas diperlukan termasuk beras, sayur-sayuran, buah-buahan, daging ayam, itik, lembu, kerbau, telur ayam, itik, susu segar dan ikan.

"Berdasarkan kadar pengeluaran makanan negara, Tahap Sara Diri bagi daging ayam/itik, telur ayam/itik dan ikan melebihi 90 peratus.

"Bagi buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan, Malaysia sudah mencapai Tahap Sara Diri melebihi 100 peratus kecuali bagi buah mangga, kelapa, kubis,

dan kerjasama strategik dengan institusi kewangan lain.

"Inisiatif dipergiatkan melalui projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12)," katanya.

Ronald juga menjelaskan pandangan umum bahawa pengeluaran produk makanan tempatan tidak cukup pantas menyediakan bekalan untuk warga tempatan dan kerana itu ia terpaksa diimport adalah kenyataan kurang tepat.

Pada masa kini, katanya, negara berupaya menghasilkan kebanyakan bahan makanan asas diperlukan termasuk beras, sayur-sayuran, buah-buahan, daging ayam, itik, lembu, kerbau, telur ayam, itik, susu segar dan ikan.

"Berdasarkan kadar pengeluaran makanan negara, Tahap Sara Diri bagi daging ayam/itik, telur ayam/itik dan ikan melebihi 90 peratus.

"Bagi buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan, Malaysia sudah mencapai Tahap Sara Diri melebihi 100 peratus kecuali bagi buah mangga, kelapa, kubis,

cili dan halia. "Beberapa bahan makanan lain seperti daging lembu, beras, sayur-sayuran dan buah-buahan beriklim sederhana seperti kubis, bawang, epal, oren, untuk ini negara masih bergantung kepada import bagi memenuhi keperluan domestik," katanya.

Ronald berkata, bagi komoditi pada tahap pengeluaran rendah seperti daging lembu dengan Tahap Sara Diri sekitar 22.3 peratus, tumpuan khusus dan penekanan diberikan melalui pelbagai inisiatif.

"Antaranya seperti Projek Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR), Program Pembangunan Industri Ruminan (PROPER), Skim Rezeki Ternak penambahbaikan infrastruktur dan perluasan aktiviti pembangunan serta perkhidmatan teknikal.

"Inisiatif ini akan diterajui Lembaga Ruminan Negara kelak serta digariskan dalam Pelan Strategik Pembangunan Industri Pedaging Negara yang sedang dilaksanakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (JPV)," katanya.

Kuala Lumpur

RM55.4 bilion. Itu nilai makanan diimport Malaysia pada 2020 berbanding RM45.3 bilion pada 2015.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, nilai



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/5/2021	METRO AHAD	LAPORAN KHAS	3

Smart Sawah optimum produktiviti industri beras

Kuala Lumpur: Secara puratanya, keperluan tahunan beras bagi rakyat Malaysia adalah 2.5 juta tan metrik manakala pengeluaran beras negara pula sekitar 70 peratus daripada keperluan itu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Khande berkata, negara mengimport 700,000 hingga 900,000 tan metrik beras setiap tahun atau sekitar 30 peratus.

Sehubungan itu, beliau berkata, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Bekalan Makanan Negara pada 8 September 2020 antara lain bersetuju untuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mengkaji semula kemampuan industri padi dan beras negara termasuk mengoptimumkan produktiviti di kawasan sawah sedia ada.

"Bagi mencapai hasrat itu dan menjadikan industri padi dan beras negara lebih kompetitif serta berdaya saing di



Setakat ini, 11 syarikat peneraju sudah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bersama Mafi"

Dr Ronald

sepanjang rantai nilai industri, Mafi memperkenalkan program Smart Sawah Berkala Besar (Smart SBB).

"Secara umumnya, Program Smart SBB satu daripada inisiatif menyatukan tanah sawah secara pertanian kontrak atau sewaan melalui satu pengurusan.

"Ia sekali gus dapat mengoptimumkan penggunaan sumber dan meningkatkan kecekapan aktiviti penanaman serta pengeluaran hasil lepas tuai," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, majoriti pesawah dalam in-

dustri padi dan beras negara masih mengusahakan tanah sawah bersaiz tidak ekonomik iaitu kurang dua hektar.

"Pelaksanaan inisiatif akan membuka peluang kepada pemain industri untuk memainkan peranan dalam keseluruhan atau mana-mana peringkat rantai nilai industri padi dan beras negara pasca pandemik Covid-19.

"Program ini turut menyoal peningkatan purata hasil per hektar nasional daripada purata hasil semasa 3.5 tan metrik pada 2019 kepada 7.0 tan metrik dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12)," katanya.

Menurut beliau, diakui ada sebahagian kecil kawasan dalam jelapang mencatatkan pengeluaran melebihi 10.0 tan metrik per hektar pada masa ini.

Namun menurutnya, kawasan jelapang dan keseluruhan kawasan luar jelapang hanya mencatatkan purata

hasil per hektar masing-masing 4.4 tan metrik dan 2.5 tan metrik pada 2019.

"Setakat ini, 11 syarikat peneraju sudah menandatangani memorandum persefahaman (MOU) bersama Mafi.

"Mafi sedang mengadakan libat urus dengan semua pihak berkepentingan bagi tujuan penyelarasan pelaksanaan program.

"Pendekatan baharu ini akan membantu negara mencapai sasaran Tahap Sara Diri (SSL) beras ditetapkan dalam tempoh RMK-12 iaitu 75 peratus," katanya.

Untuk rekod, katanya, pada 2019, jumlah import beras 890,101 tan metrik bernilai RM1.5 billion.

Menurutnya, kuantiti beras diimport pada 2019 berkurangan berbanding 2015 iaitu penurunan 7.4 peratus.



Tanah pertanian bertukar hutan batu

Kuala Lumpur: Masalah tanah pertanian yang semakin berkurangan di negara ini boleh memberi kesan kepada keselamatan makanan negara.

Jika dulu, banyak tanah pertanian subur disebabkan dengan pelbagai aktiviti pertanian termasuk sawah padi, kebun buah-buahan dan sebagainya.

Namun kini, sebaliknya berlaku apabila tanah sebelum ini dipenuhi tanaman berubah menjadi hutan batu.

Prof Madya Dr Normaz Wana Ismail dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, kekurangan tanah pertanian semakin serius berikutan proses urbanisasi.

"Apabila jumlah penduduk bertambah, tempat tinggal sedia ada tidak mencukupi.



Tanah termasuk tanah pertanian terpaksa dikorbankan untuk pelbagai projek pembangunan"

Dr Normaz

"Oleh itu, tanah termasuk tanah pertanian terpaksa dikorbankan untuk pelbagai projek pembangunan seperti rumah, sekolah dan sebagainya," katanya.

Selain itu, masalah lain adalah, kebanyakan tanah pertanian di negara ini mempunyai keluasan terhad dan ia sekadar untuk menampung keperluan sendiri atau keluarga.

"Contoh, ada banyak ta-

nah pusaka yang dipecahkan untuk dibahagikan kepada keluarga sehingga keluasan menjadi kecil untuk aktiviti pertanian.

"Apabila bercakap mengenai keselamatan makanan negara, ia memerlukan pengeluaran berskala besar untuk menampung keperluan rakyat," katanya.

Tambah beliau, kekurangan petani terutama memablitkan golongan muda turut menyumbang kepada permasalahan tanah pertanian semakin berkurangan.

"Ramai tidak menceburi bidang ini dan ia mengakibatkan banyak tanah pertanian terbiar dan ditukar status pembangunan.

"Sebenarnya, banyak inisiatif diambil kerajaan untuk melahirkan usahawan petani terutama memablitkan golongan muda namun ju-

malahnya masih belum mencukupi," katanya.

Beliau melihat penggunaan teknologi pertanian baharu dapat membantu mengatasi masalah pengeluaran hasil pertanian berikutan kekurangan tanah.

"Teknologi baharu ini penting untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian dan perkara ini dibuktikan di luar negara," katanya.

Normaz Wana turut mencadangkan penggunaan tanah yang tidak sesuai untuk pertanian, dimanfaatkan untuk aktiviti penternakan.

"Kita hanya hasilkan 25 peratus daging dan bakinya kita import dari luar.

"Untuk penternakan sebenarnya, kita ada tanah mencukupi namun berdepan masalah kekurangan penternak biarpun ia mampu memberi pulangan lumayan," katanya.

